

Dengar suara komuniti, kukuh tadbir urus

DIALOG BANDAR RAYA DIPERLUAS

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperkukuh komitmen untuk mendekatkan diri dengan rakyat apabila mengumumkan peluasan Dialog Bandar Raya 2025 ke semua 11 kawasan Parlimen di ibu kota, bermula Jun hingga November tahun ini.

Inisiatif ini diangkat sebagai platform utama untuk mendengar suara komuniti, memperhalusi dasar serta memperkukuh tadbir urus responsif dan inklusif.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata pendekatan turun padang melalui konsep 'Management by Walking Around' ini bukan sekadar simbolik, tetapi suatu bentuk komitmen jitu untuk mendengar, memahami dan bertindak secara kolektif terhadap isu setempat.

"Kita tidak mahu isu rakyat hanya dibincangkan dari bilik pejabat. Pendekatan ini mendekatkan DBKL dengan komuniti. Ia bukan sekadar ruang ucapan, tetapi ruang penyelesaian," tegasnya ketika merasmikan siri pertama program berkenaan di Kompleks Sukan Bandar Tun Razak.

Hadir sama, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin yang mewakili Ahli Parlimen Bandar Tun Razak.

Maimunah turut menjelaskan bahawa Dialog Bandar Raya 2025 merupakan kesinambungan daripada kejayaan siri Temu@



MAIMUNAH ketika berucap pada program Dialog Bandar Raya 2025 yang dimulakan di Parlimen Bandar Tun Razak.

DBKL yang dianjurkan pada 2024 di kesemua kawasan Parlimen, namun kini digerakkan dalam skala yang lebih terfokus dan tersusun.

Antara pengisian utama program ini termasuk sesi *townhall* bersama Datuk Bandar, Ahli Parlimen serta pengurusan tertinggi DBKL, selain kehadiran wakil agensi kerajaan berkaitan.

Ia membuka ruang rakyat berinteraksi secara langsung dalam membincangkan permasalahan dan cadangan penambahbaikan kawasan masing-masing.

Turut disediakan ialah pelbagai pengisian sampingan seperti Pameran Program Perdana DBKL,

Inisiatif LA21 (*Clean & Green*), Pameran Kuala Lumpur Sifar Sisa (*Zero Waste*) serta Kaunter Adu@ KL bagi membolehkan warga kota menyalurkan aduan secara terus. Program ini turut disertai pelbagai lapisan masyarakat termasuk badan bukan kerajaan (NGO), persatuan penduduk, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan rakan strategik tempatan.

Datuk Bandar turut menegaskan bahawa inisiatif ini berlandaskan prinsip Malaysia MADANI yang mengangkat keterangkuman, kemanusiaan dan tadbir urus berintegriti.

Perkara itu sejajar dengan



Visi C.H.A.S.E (*Cleanliness, Health, Advance, Safe & Eco-friendly*) dan menyokong pelaksanaan 15 Program Flagship DBKL yang memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat, bandar hijau dan tadbir urus progresif.

Selain itu, antara program sampingan menarik termasuk cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah seperti basikal, skuter dan barangan elektrik sebagai insentif kepada penyertaan komuniti.

"Kuala Lumpur bukan sahaja bandar untuk didiami, tetapi bandar untuk dicintai. Kita mahu menjadikan kota ini bukan sekadar 'liveable',

tetapi 'loveable' - bersih, selamat, lestari dan membanggakan," kata beliau menutup ucapan.

Sementara itu, Azman berkata pengantjaran dialog ini memberi peluang kepada penduduk di Bandar Tun Razak menyampaikan cadangan, masalah dan keluh kesah secara langsung kepada Datuk Bandar.

"Selama 60 minit penduduk Bandar Tun Razak berkongsi pelbagai masalah dan cadangan tetapi waktu masih tidak cukup. Oleh itu, Datuk Bandar hari ini akan memberi jaminan bahawa setiap soalan yang bertulis akan dijawab," katanya. 